

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS JUBLI EMAS GABUNGAN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN INDIA
MALAYSIA

TEMPAT: PALACE OF GOLDEN HORSES, SG. BESI, KUALA LUMPUR

TARIKH: 28 AUG 2001

MASA:

Saya ucapkan terima kasih kepada Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia kerana menjemput saya untuk bersama meraikan perayaan sambutan jubli emasnya. Tidak dapat dinafikan masyarakat India telah turut bersama menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan negara kita walaupun mereka merupakan penduduk minoriti. Sumbangan mereka adalah juga besar seperti sumbangan penduduk kaum-kaum lain. Mereka ternyata aktif di sektor perladangan, pembinaan, perusahaan, pengedaran, hidangan makanan dan perniagaan runcit. Ada juga yang amat berjaya dalam arena antarabangsa. Selain daripada penyertaan di bidang ekonomi, mereka juga menikmati hak kewarganegaraan dan politik seperti rakyat lain. Hak dan kepentingan mereka dilindungi dan diberi perhatian sewajarnya melalui dasar-dasar Kerajaan.

2. Kerajaan mengamalkan sikap terbuka dan prihatin terhadap isu dan masalah yang dihadapi oleh pelbagai kaum di negara ini. Semua pihak menerima hakikat bahawa Malaysia merupakan sebuah negara berbilang kaum, agama dan kebudayaan. Di dalam menggubal sesuatu dasar atau strategi, kepentingan semua kaum diambilkira. Tidak ada satu kaum pun di negara ini di mana kepentingan mereka dipinggirkan.

3. Di dalam menggubal Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga, 2001-2010 (RRJP3), Kerajaan telah menubuh Majlis Perundingan Ekonomi Negara Kedua (MAPEN II), yang dianggotai oleh 154 orang ahli, mewakili pelbagai kumpulan masyarakat, termasuk kaum India. Kerajaan telah memberi pertimbangan dengan teliti ke atas semua perakuan yang dikemukakan oleh MAPEN II. Di mana sesuai, perakuan berkenaan diterima dan dijadikan sebahagian daripada dasar dan strategi RRJP3.

4. Di sini saya ingin menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan kepada pernyataan dasar di bawah RRJP3 mengenai komitmen Kerajaan untuk memperbaiki kedudukan ekonomi kaum keturunan India. Dari segi pemilikan ekuiti korporat, usaha akan dijalankan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti mereka daripada 1.5 peratus pada tahun 1999 kepada tiga peratus menjelang tahun 2010. Satu kajian juga akan dijalankan untuk

menilai tahap penyertaan kaum India dalam ekonomi bagi merangka strategi dan program yang bersesuaian.

5. Di samping memperjuangkan hak dan kepentingan kaum masing-masing, sebagai rakyat dan warganegara Malaysia, tuan-tuan dan puan-puan haruslah memberikan perhatian dan komitmen yang lebih terhadap integrasi nasional. Hanya melalui integrasi nasional, hasrat dan cita-cita semua kaum di negara ini untuk terus menikmati kedamaian dan keharmonian hidup serta mencapai kemajuan pembangunan, dapat dihasilkan.

6. Usaha memupuk integrasi nasional perlu dijalankan setiap masa dan di setiap peringkat - di sekolah, di tempat kerja, di taman perumahan, di gelanggang sukan. Kita perlu sentiasa berwaspada terhadap anasir-anasir yang cuba menggugat kedamaian dan keharmonian hidup di negara ini. Kita tidak boleh bertolak ansur dalam perkara ini.

7. Dalam membangunkan negara, setiap kaum atau kumpulan yang ada di negara ini perlu bersedia melengkapkan diri untuk bersama-sama menyumbang kepada pencapaian matlamat yang ditetapkan. Sekiranya ada sesuatu kaum atau kumpulan yang belum bersedia, kaum tersebut akan keciciran. Kita harus sedar bahawa kita terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dalam apa juga bidang yang kita ceburi. Hanya mereka yang mempunyai keyakinan dan keupayaan sahaja yang akan dapat menghadapi persaingan sengit bagi merebut kejayaan.

8. Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia telah wujud selama 50 tahun. Saya percaya banyak kemajuan yang telah dicapai dalam tempoh tersebut daripada segi keahlian dan aktiviti yang dijalankan. Namun demikian, adalah wajar untuk Dewan menilai semula tahap pencapaiannya sehingga kini dan merangka pelan pembangunan seterusnya, selari dengan pelan pembangunan negara. Pelan pembangunan Dewan perlu mengambil kira perubahan-perubahan pesat yang sedang berlaku, bukan sahaja di peringkat nasional, bahkan di peringkat antarabangsa.

9. Pada masa ini, terdapat pemusatan penglibatan peniaga India dalam beberapa aktiviti tertentu, seperti perniagaan runcit, pengedaran, hidangan makanan dan pembinaan. Kebanyakan perniagaan yang dijalankan tertumpu kepada memenuhi kehendak dan kepentingan komuniti India. Ahli-ahli Dewan perlulah melibatkan diri secara aktif dan lebih meluas dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, dan juga di dalam industri lain yang sedang diwujudkan dan yang mempunyai potensi tinggi untuk berkembang, umpamanya bioteknologi, peralatan dan kejenteraan, pembungkusan dan pembangunan multimedia.

10. Pihak Dewan perlu menggalakkan lebih ramai

peniaga dan usahawan India untuk menjadi ahli Dewan. Dengan keahlian yang bertambah dan lebih menyeluruh, ia akan memudahkan usaha untuk meningkatkan kualiti dan penglibatan kaum India dalam perniagaan. Dewan perlu menggalakkan ahli-ahlinya supaya saling bantu-membantu di antara satu sama lain. Selain daripada menggalakkan jaringan kerjasama di kalangan ahli, Dewan juga perlu berusaha menyebarkan maklumat, termasuk mengenai perisikn pasaran, memperkenalkan amalan perniagaan terbaik dan menyediakan khidmat bimbingan pemasaran.

11. Memandangkan pasaran Malaysia adalah agak kecil, kerjasama dengan pelabur-pelabur asing perlu diwujudkan untuk memperolehi teknologi dan pasaran baru serta kaedah baru menjalankan perniagaan. Dalam aspek ini, SMIDEC ada melaksanakan program-program Rantaian Industri dan Pembekal Global. Di bawah program Rantaian Industri, syarikat-syarikat industri kecil dan sederhana (IKS) tempatan dirangkaikan dengan syarikat-syarikat besar dan multinasional (MNC) sebagai pembekal alat-alat komponen dan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu. Di bawah program Pembekal Global pula, kemampuan dan keupayaan syarikat-syarikat IKS dipertingkatkan bagi membolehkan mereka membekalkan barangan dan perkhidmatan bertaraf dunia kepada syarikat-syarikat besar bukan sahaja untuk operasi mereka di Malaysia, bahkan di serata dunia.

12. Usahawan India perlu menyahut cabaran untuk menyusun semula organisasi dan amalan perniagaan mereka, supaya selari dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), internet dan e-dagang. Perubahan teknologi ini telah merubah cara tradisi menjalankan sesuatu perniagaan. Barangan menjadi usang dengan lebih cepat dan perlu digantikan dengan barangan baru, begitu juga proses baru mengambil alih proses lama, disebabkan perubahan teknologi. Usahawan India mestilah peka terhadap kepentingan dan perkembangan e-dagang sebagai satu lagi cara meningkatkan daya saing mereka. Di dalam ekonomi digital, ICT akan mempunyai kesan yang meluas ke atas setiap aspek aktiviti perniagaan mereka.

13. Dewan perlu merintis dan melaksanakan projek-projek yang akan menjadikan komuniti India lebih teguh dan berdaya tahan dalam jangka masa panjang. Konsortium besar-besaran boleh diwujudkan melalui penggabungan dan pengambilalihan syarikat-syarikat kecil, untuk membolehkan perniagaan mereka mendapat manfaat daripada perluasan operasi di dalam dan luar negara. Usaha mesti dilakukan untuk menggalakkan lebih ramai ahli Dewan menyertai pameran dan pesta perdagangan di dalam dan luar negara yang dianjurkan oleh MATRADE dan pihak-pihak lain. Ini akan membantu pelabur dan usahawan keturunan India mewujudkan hubungan perniagaan dan menyediakan pasaran untuk

barangan dan perkhidmatan di peringkat global.

14. Akhir sekali ingin saya tegaskan bahawa di Malaysia yang berbilang kaum dan bangsa kita tidak perlu asingkan perniagaan kita mengikut kaum. Penyertaan yang bermakna dalam perniagaan milik pelbagai kaum tidak menidakkan kepentingan sesuatu kaum. Yang penting ialah semua kaum di Malaysia mendapat bahagian daripada ekonomi negara kita.

15. Saya mengucapkan selamat menyambut perayaan jubli emas dan selamat maju jaya kepada Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia.